

RANGKUMAN PRESTASI EKONOMI 2023


KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)

Malaysia mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM1.82 trillion pada harga semasa bagi tahun 2023 berbanding RM1.79 trillion pada tahun 2022. Selain itu, KDNK pada harga malar mencatatkan RM1.57 trillion dengan pertumbuhan 3.6 peratus berbanding 8.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi yang sederhana oleh sektor **Perkhidmatan** dan **Pembuatan** yang menyumbang 82.6 peratus daripada jumlah KDNK.

KDNK KAEDAH PENGELUARAN

Sektor **Perkhidmatan** bertumbuh **5.1 peratus** disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor utama seperti Perdagangan borong & runcit pada 5.9 peratus, Pengangkutan & penyimpanan pada 13.8 peratus dan Makanan & minuman dan penginapan pada 7.7 peratus.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** bertumbuh **0.5 peratus** disokong oleh subsektor Gas asli yang bertumbuh 0.6 peratus dan Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 3.6 peratus.



Sektor **Pembuatan** bertumbuh marginal **0.7 peratus** didorong oleh subsektor Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan (3.6%), Pemprosesan makanan (5.5%) dan Produk logam yang direka (7.0%).

Sektor **Pertanian** mencatatkan pertumbuhan **0.7 peratus** berbanding **1.3 peratus** pada tahun 2022 dipengaruhi oleh subsektor Kelapa sawit dan Ternakan yang masing-masing meningkat 0.2 peratus dan 0.7 peratus.


Sektor **Pembinaan** meningkat 6.1 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini diterajui oleh Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas, dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 14.5 peratus dan 6.5 peratus.

Nota:


- % merujuk kepada perubahan tahun ke tahun
- 2023/2022



KDNK KAEDAH PERBELANJAAN





Dari segi perbelanjaan, **Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** kekal sebagai komponen terbesar kepada KDNK, dengan sumbangan 60.7 peratus mencatatkan pertumbuhan sederhana **4.7 peratus** pada tahun 2023. Manakala **Pembentukan Modal Tetap Kasar** (sumbangan: 20.1%) bertumbuh **5.5 peratus** berbanding kenaikan 6.8 peratus pada tahun sebelumnya.



Sektor **Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** menyederhana kepada 4.7 peratus berbanding 11.3 peratus pada tahun 2022 dipengaruhi oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus pada tahun 2023. Momentum yang lebih perlahan dalam PMTK ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan Jentera & peralatan yang menyederhana 5.2 peratus. Selain itu, Struktur dan Aset lain masing-masing berkembang 6.1 peratus dan 2.8 peratus pada tahun 2023 telah mengimbangi pertumbuhan perlahan sektor ini.



KDNK KAEDAH PENDAPATAN

KDNK pada Harga Semasa

RM1,822.9bil

↑ 1.6% | 2022: 15.8%

📈 **33.1%** | 2022: 32.3%
Pampasan Pekerja

↑ 4.2% | 2022: 6.5%

📈 **64.8%** | 2022: 67.1%
Lebihan Kendalian Kasar

↓ -1.8% | 2022: 24.3%

📈 **2.1%** | 2022: 0.6%
Cukai Tolak Subsidi

↑ 242.0% | 2022: -69.7%

Nota:

📈 -Sumbangan kepada KDNK

↑ ↓ -Peratus pertumbuhan

bil -Bilion

Pampasan Pekerja dan Lebihan Kendalian Kasar mengikut Sektor



Pampasan Pekerja

(sumbangan kepada Nilai ditambah)

↑ 0.7% | 2022: 4.0%

15.0%



Pertanian

↑ 9.2% | 2022: 11.2%

8.6%



Perlombongan & pengkuarian

↑ 3.3% | 2022: 8.4%

33.9%



Pembuatan

↑ 6.8% | 2022: 8.1%

74.4%



Pembinaan

↑ 4.3% | 2022: 5.6%

37.0%



Perkhidmatan



Lebihan Kendalian Kasar

(sumbangan kepada Nilai ditambah)

↓ 85.3% | 2022: -13.2% | 11.8%

↓ 91.0% | 2022: -12.1% | 49.2%

↓ 65.6% | 2022: -5.6% | 29.0%

↑ 28.6% | 2022: 1.3% | 32.3%

↑ 61.3% | 2022: 5.3% | 19.6%

Dari segi pendapatan, **Pampasan Pekerja (PP)** bertumbuh 4.2 peratus dengan sumbangan 33.1 peratus kepada KDNK Malaysia dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. PP sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.3 peratus disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Bagi sektor Pembuatan, PP mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus disumbangkan oleh penyederhanaan dalam produk Elektrik, elektronik dan optik. Selain itu, PP dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian meningkat masing-masing 6.8 peratus dan 9.2 peratus, sementara PP dalam sektor Pertanian menunjukkan peningkatan marginal 0.7 peratus pada tahun 2023.

Seterusnya **Lebihan Kendalian Kasar (LKK)** kekal sebagai komponen pendapatan terbesar dengan sumbangan 64.8 peratus dan menyusut 1.8 peratus daripada 24.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2022. Penyusutan dalam LKK dipengaruhi oleh kemerosotan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian (-12.1%), Pertanian (-13.2%) dan Pembuatan (-5.6%). Namun, penyusutan ini sebahagiannya diperlahankan dengan peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembinaan masing-masing pada 5.3 peratus dan 1.3 peratus.

Selain itu, Cukai bersih menyumbang 2.1 peratus kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2023 dengan pertumbuhan 242.0 peratus berbanding penurunan 69.7 peratus pada tahun 2022. Prestasi ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam cukai ke atas pengeluaran dan import sebanyak 3.1 peratus. Sementara itu, subsidi merekodkan penurunan ketara 34.2 peratus berikutan penyusutan dalam subsidi ke atas petroleum dan diesel.



@StatsMalaysia



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI

Bagi prestasi ekonomi mengikut negeri pula, empat (4) negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional iaitu Selangor yang berkembang 5.4 peratus, Pahang 5.2 peratus, Johor 4.1 peratus dan W.P. Kuala Lumpur 3.7 peratus. Namun demikian, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai penyumbang utama, menyumbang 67.7 peratus kepada ekonomi Malaysia.


Prestasi ekonomi Selangor, Pahang dan Johor dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan. Bagi Selangor dan Johor, sektor Perkhidmatan berkembang masing-masing 6.1 peratus dan 5.4 peratus didorong oleh pertumbuhan subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Manakala bagi Pahang, pengembangan sektor ini sebanyak 6.0 peratus disokong oleh Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

Sementara itu, pengembangan ekonomi W.P. Kuala Lumpur sebanyak 3.7 peratus dipacu oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini bertumbuh 4.9 peratus, disokong Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

Pada masa yang sama, ekonomi Sabah berkembang 1.3 peratus dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang meningkat 4.5 peratus didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 4.6 peratus. Sementara itu, Sarawak mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang keempat tertinggi KDNK negara, bertumbuh 1.2 peratus pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan negeri ini meningkat kukuh 5.4 peratus, mengatasi pertumbuhan sektor Perkhidmatan nasional.

Beralih ke KDNK per kapita, nilai KDNK per kapita nasional pada tahun 2023 adalah RM54,612. Lima (5) negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM131,038), W.P. Labuan (RM83,596), Pulau Pinang (RM72,586), Sarawak (RM72,411) dan Selangor (RM62,492).

PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PADA HARGA MALAR (2015=100)



PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR (PMTK)


Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) merekodkan RM314.5 bilion pada tahun 2023 dengan pertumbuhan 5.5 peratus berbanding 6.8 peratus pada tahun sebelumnya. utama menunjukkan peningkatan pada tahun 2023, terutamanya dalam aset tetap aktiviti Perkhidmatan dan Pembuatan. Prestasi memberangsangkan dalam aktiviti Perkhidmatan didorong oleh Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi dan Perdagangan borong dan runcit, yang meningkat masing-masing 9.9 peratus dan 8.9 peratus pada tahun 2023.

Sementara itu, aktiviti Pembuatan bertumbuh sebanyak 5.5 peratus pada tahun 2023. Pertumbuhan sederhana ini Makanan, minuman dan tembakau sebanyak 8.9 peratus, Produk elektronik & optikal dan peralatan pengangkutan sebanyak 6.8 Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 4.5 peratus.


PMTK bagi aktiviti Perlombongan & pengkuarian meningkat 2.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 1.8 peratus pada tahun 2022. Aktiviti Pertanian bertumbuh marginal 0.4 peratus pada tahun 2023, diikuti oleh aktiviti Pembinaan yang menyederhana kepada 2.7 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Seterusnya, PMTK mengikut jenis aset diterajui oleh Struktur berkembang 6.1 peratus berbanding 4.8 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, Peralatan ICT dan lain-lain jentera & peralatan dan Produk harta intelek masing-masing bertumbuh 6.5 peratus dan 1.9 peratus.

Sektor Swasta kekal sebagai penyumbang utama kepada PMTK berkembang 4.6 peratus berbanding 7.2 peratus pada tahun 2022.



Peratus sumbangan



■ Awam ■ Swasta

KDNK Perusahaan Mikro, Kecil Sederhana (PMKS) merekodkan RM613.1 bilion pada tahun 2023, bertumbuh 5.0 peratus



KDNK Malaysia, 2023
pada harga malar 2015

RM1,568.0b | ↑ 3.6%



PMKS

RM613.1b | ↑ 5.0%



Bukan PMKS

RM954.8b | ↑ 2.7%

KDNK PMKS Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada tahun 2023 sekaligus mengatasi pertumbuhan KDNK Malaysia iaitu 3.6 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang utama merangkumi 84.8 peratus daripada KDNK PMKS. Sementara itu, sektor Pertanian menyumbang 9.1 peratus kepada KDNK PMKS, diikuti oleh sektor Pembinaan (4.5%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.5%).


KDNK PMKS



Prestasi PMKS kepada KDNK

39.1% 5.0% | 12.3%

Sumbangan



Sektor Perkhidmatan meningkat 6.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 17.2 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan yang stabil dalam subsektor utama, iaitu Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan (5.7%); Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (6.3%); dan Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (10.6%).

Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan 1.5 peratus (2022: 6.0%) dan dipengaruhi oleh pertumbuhan positif dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (5.0%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (5.3%).

Nilai ditambah PMKS dalam sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus pada tahun 2023, lebih tinggi daripada pertumbuhan 0.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan & pertanian lain (1.8%) dan Perikanan (0.5%). Sementara itu, nilai ditambah PMKS bagi sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing turut berkembang 5.8 peratus (2022: 5.0%) dan 4.9 peratus (2022: 10.7%).

Nota:

- Sumbangan Perubahan tahun ke tahun
- b merujuk kepada bilion
- Tahun **2023** | 2022



@StatsMalaysia



Pembentukan Modal Tetap Kasar


Gross fixed capital formation recorded at RM314.8bil in 2023 - DoSM

ECONOMY
Wednesday, 24 Jul 2024
1:43 PM MYT

Related News

Country needs to expand its Medium Economy Framework to grow

CHINA 16 Apr
Hong Kong's economy to show growth in Q2: Financial Secretary



KUALA LUMPUR: Malaysia's gross fixed capital formation (GFCF) was recorded at RM314.5 billion at constant prices in 2023 versus RM298.2 billion in 2022, said the Statistics Department Malaysia (DoSM).

In a statement today, DoSM said the combination of global economic recovery...

BERNAMA ONLINE

REKOMENDASI
PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR BERNILAI RM314.5 BILION PADA 2023 - DOSM

08/07/2024 04:31 PM

KATA KUNCI
Gross fixed capital formation (GFCF), 2023, RM314.5 billion, constant prices, 2023, DoSM, Malaysia, economic growth, investment, infrastructure, construction, manufacturing, services, trade, exports, imports, fiscal policy, monetary policy, inflation, unemployment, GDP, GDP per capita, HDI, SDG, Sustainable Development Goals, etc.

BERITA BERKAITAN


BERITA BERKAITAN
BANCAJAK PERANTARA BERKUALITI ANAK, CAPAI 30 PERATUS
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Kementerian Kanan (MAMPU) telah mengumumkan bahawa 30 peratus daripada bilangan anak-anak yang layak untuk menerima bantuan perantara bancajak telah menerima bantuan tersebut.

LAGI BERITA
POLIS MONITOR GAMBUJON PASIR BENDANG BUKU BANGSA ALBERTINE LOO
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Polis telah memantau aktiviti di sekitar lokasi pembangunan projek perumahan di Pasir Bendang, Kuala Lumpur, kerana kebimbangan bahawa projek tersebut mungkin melanggar undang-undang berkaitan pemilikan tanah.

BUSINESS TIMES

Malaysia's nominal GDP grew 1.6pct to RM1.8tril in 2023

08/07/2024 04:31 PM MYT



Malaysia's nominal GDP grew 1.6pct to RM1.8tril in 2023

KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Malaysia's nominal Gross Domestic Product (GDP) grew 1.6 per cent to RM1.8 trillion in 2023, according to the Department of Statistics Malaysia (DoSM).

The growth was driven by strong expansion in investment and export through the implementation of various stimulus packages, DoSM said.

BERNAMA ONLINE

KDNK Nominal Malaysia Bagi 2023 Berjumlah RM1.8 Trilion - Jabatan Perangkaan

08/07/2024 04:31 PM

KATA KUNCI
KDNK, Malaysia, 2023, RM1.8 trilion, nominal, pertumbuhan, ekonomi, statistik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), etc.

BERITA BERKAITAN

BERITA BERKAITAN
Terdapat Pergerakan Kecil Di Pasir Bendang, Kuala Lumpur
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Terdapat pergerakan kecil di sekitar lokasi pembangunan projek perumahan di Pasir Bendang, Kuala Lumpur, kerana kebimbangan bahawa projek tersebut mungkin melanggar undang-undang berkaitan pemilikan tanah.

LAGI BERITA
Polis Monitor Gamberon Pasir Bendang, Kuala Lumpur
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Polis telah memantau aktiviti di sekitar lokasi pembangunan projek perumahan di Pasir Bendang, Kuala Lumpur, kerana kebimbangan bahawa projek tersebut mungkin melanggar undang-undang berkaitan pemilikan tanah.

KDNK Kaedah Pendapatan

Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana

The Star

MSMEs' contribution to GDP grew 5% in 2023, with value added of RM614.1bil - DoSM

08/07/2024 04:31 PM MYT

Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana

KUALA LUMPUR: The contribution to the gross domestic product (GDP) by micro, small and medium enterprises (MSMEs) grew 5 per cent in 2023 with value added of RM614.1 billion and contributed 33.7 per cent to national economic activity, according to the Department of Statistics Malaysia (DoSM).

The MSMEs' contribution to GDP grew 5 per cent in 2023, with value added of RM614.1 billion, said the DoSM.

BERNAMA ONLINE

Sumbangan PKM Kepada KDNK Berkembang 5.0 Peratus Pada 2023 - Perangkaan

08/07/2024 04:31 PM

KATA KUNCI
KDNK, Malaysia, 2023, RM614.1 bilion, pertumbuhan, ekonomi, statistik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), etc.

BERITA BERKAITAN

BERITA BERKAITAN
KDNK Kaedah Pendapatan Berkembang
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Terdapat perkembangan kecil di sekitar lokasi pembangunan projek perumahan di Pasir Bendang, Kuala Lumpur, kerana kebimbangan bahawa projek tersebut mungkin melanggar undang-undang berkaitan pemilikan tanah.

LAGI BERITA
Polis Monitor Gamberon Pasir Bendang, Kuala Lumpur
KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Polis telah memantau aktiviti di sekitar lokasi pembangunan projek perumahan di Pasir Bendang, Kuala Lumpur, kerana kebimbangan bahawa projek tersebut mungkin melanggar undang-undang berkaitan pemilikan tanah.

KDNK Mengikuti Negeri

BERNAMA ONLINE

Selangor, KL, Johor penyumbang terbesar ekonomi Malaysia

08/07/2024 04:31 PM MYT

Selangor, KL, Johor penyumbang terbesar ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR (BERNAMA) - Selangor, Kuala Lumpur (KL) dan Johor merupakan negeri-negeri penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan menyumbang 37.7 peratus pada 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

DoSM berkata, bekalan tenaga kerja yang melimpah di 8 negeri pada tahun lalu mendorong nilai tambah negara mencapai RM5.6 bilion.

DoSM berkata, bekalan tenaga kerja yang melimpah di 8 negeri pada tahun lalu mendorong nilai tambah negara mencapai RM5.6 bilion.

BUSINESSTODAY

All States Resilient With Some Exceeding GDP Growth Of 3.6% Last Year: DOSM

11 Jul 2024

All States Resilient With Some Exceeding GDP Growth Of 3.6% Last Year: DOSM

In 2023, Malaysia's economy expanded moderately with all states recorded favourable positive growths for the year. Malaysia's economy expanded by 3.6 per cent in 2023, reaching a GDP of RM1.6 trillion.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the Gross Domestic Product (GDP) By State, 2023 today which provides insights into sectoral perspectives and the economic contributions of each state to Malaysia's overall economic landscape.

These statistics crossed the national GDP released on May 17, 2024.

theSun

Selangor dahului sumbangan KDNK dalam ekonomi nasional - Perangkaan

08/07/2024 04:31 PM

Selangor dahului sumbangan KDNK dalam ekonomi nasional - Perangkaan

KUALA LUMPUR: Pertumbuhan ekonomi Selangor pada tahun lepas mengahului negeri-negeri lain dengan menyumbang 37.7 peratus kepada KDNK negara sebanyak 3.8 peratus.

Ketua Perangkaan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Ali Mahidin berkata di dalam Kuala Lumpur (3.6 peratus), Johor (3.5 peratus), Pulau Pinang (3.4 peratus) dan Sabah (3.3 peratus).

Terdapat peningkatan menyumbang 7.2 peratus kepada ekonomi nasional pada tahun 2023 berbanding 7.3 peratus pada 2022.

